

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

'Kematian Dr Ali Noor bukan akibat kelesuan, bebanan tugas'

Putrajaya: Pegawai Perubatan Kementerian Kesihatan (KKM), Dr Ali Noor Hassan yang meninggal dunia lewat malam Isnin lalu, bukan disebabkan kelesuan atau terlalu penat dengan bebanan tugas.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, menjelaskan, ujian COVID-19 yang dilaksanakan terhadap Allahyarham adalah negatif.

Justeru, beliau memohon semua pihak supaya tidak membuat spekulasi mengenai kes berkenaan sebagai menghormati Allahyarham serta ahli keluarganya.

Dr Noor Hisham berkata, Dr Ali Noor amat disenangi oleh rakan sekerja, pesakit dan masyarakat setempat di tempatnya bertugas.

"Allahyarham pernah dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) sejak awal Disember 2020 disebabkan penyakit lain serta menjalani beberapa sesi rawatan.

"Salam takziah diucapkan buat seluruh ahli keluarga Allahyarham Dr Ali Noor Hassan atas pemergian beliau. Allahyarham Dr Ali Noor sudah pulang ke pangkuan Ilahi lewat malam kelmarin (18 Januari).

"Marilah kita sama-sama memanjatkan doa dan peringatan untuk Allahyarham Dr Ali Noor. Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam kalangan orang yang beriman. Al-Fatihah," katanya dalam satu hantaran di Facebook, semalam.

Sebelum ini, media sosial tular dengan berita kematian Dr Ali Noor.

Hantaran yang dibuat menggunakan akaun Skuad Pengurusan Jenazah Malaysia (SPJM) itu antara lain menyatakan kematian Dr Ali Noor diketahui melalui akaun Facebook pegawai kesihatan terbahit.

Ia juga menyebut, Dr Ali Noor adalah ahli daftar SPJM dan mengikuti skuad itu sejak 2018 serta seorang ahli khidmat dakwah.

Allahyarham dikatakan sudah dua kali menyertai ijtima' atau perhimpunan Jemaah Tabligh di Beaufort, Sabah selain akan datang berkhidmat secara sukarela sebagai petugas perubatan bagi peserta ijtima'.

Hantaran yang turut menyertakan gambar dikatakan Dr Ali Noor itu, menyatakan ia foto terakhir diambil sebelum Allahyarham jatuh sakit kerana beban kerja terlalu penat dan letih kerana bertugas sebagai petugas barisan hadapan.

Penularan COVID-19

AMM sedia bantu pelan pengurusan pandemik

Akademi mewakili 3,000 pakar perubatan tawar khidmat tanpa mengira tempat bertugas

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Akademi Perubatan Malaysia (AMM) yang mewakili lebih 3,000 pakar perubatan daripada sektor kerajaan, swasta dan akademik di seluruh negara, bersedia untuk berkhidmat dan membantu Kementerian Kesihatan (KKM) dengan pelan pengurusan COVID-19, tanpa mengira tempat bertugas.

AMM dalam kenyataan semalam berkata, akademi itu mengalu-alukan keputusan kerajaan melakukan libat urus dengan penyedia perkhidmatan kesihatan swasta bagi mengurangkan beban hospital kerajaan dan petugasnya.

"Jika kita gerakkan semua sumber penjagaan kesihatan kerajaan dan swasta, kita akan mempunyai cukup keupayaan menghadapi peningkatan pesakit mendadak bagi memastikan pandemik terkawal sehingga men-

capai imuniti kelompok menerusi pemvaksinan yang meluas.

"Kami berharap ini adalah langkah pertama dalam satu proses jangka panjang bagi menggabungkan sistem kesihatan kita dengan lebih baik untuk manfaat semua rakyat Malaysia," kata kenyataan itu seperti dilaporkan BERNAMA.

AMM berkata, banyak aspek memerlukan perhatian bagi memperkemas sistem penjagaan kesihatan kerajaan dan swasta.

Katanya, ia termasuk kebimbangan mengenai kapasiti hospital untuk menampung pesakit COVID-19 dengan infrastruktur dan sumber manusia yang terhad, susun atur unit rawatan rapi (ICU) dan pakar dalam sektor penjagaan kesihatan swasta yang mungkin tergolong dalam kumpulan berisiko tinggi.

"Kami percaya semua perkara ini akan diambil kira dan berharap melihat penyelesaian kreatif seperti staf perubatan dipinjamkan ke hospital swasta dan rujukan silang antara hospital.

"Menyelaraskan kedua-dua sistem penjagaan kesihatan ini bukan mudah, tetapi kami yakin dengan keupayaan KKM beserta kerjasama Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) dan semua pemegang kepentingan berkaitan untuk mencari penyelesaian terbaik sesuai untuk semua pihak," kata kenyataan itu.



Majlis perundingan diwakili NGO, organisasi masyarakat, komuniti perniagaan dan pakar perubatan, mampu membantu kerajaan salur maklumat.

Michael Yeoh,
Presiden Institut Strategik KSI
untuk Asia Pasifik

Sementara itu, kerajaan disaran menubuhkan Majlis Perundingan Khas COVID-19 dalam usaha memerangi pandemik itu dengan lebih berkesan.

Presiden Institut Strategik KSI untuk Asia Pasifik (KSI), Tan Sri Michael Yeoh, berkata majlis pe-

rundingan yang diwakili pertubuhan bukan kerajaan (NGO), organisasi masyarakat, komuniti perniagaan dan pakar perubatan, mampu membantu kerajaan terutama Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam menyalurkan maklumat serta mengatur gerak kerja dengan lebih berkesan.

"Kepentingan peranan NGO dan organisasi masyarakat ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) harus mendapat lebih perhatian.

"Susulan pengisytiharan darurat, Yang di-Pertuan Agong turut berkenan dengan cadangan bagi membentuk satu Jawatankuasa Bebas yang dianggotai ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang serta pakar kesihatan.

"Namun, jawatankuasa ini tidak membabitkan wakil dari NGO dan organisasi masyarakat, terutama untuk konteks kesihatan awam dan kemanusiaan.

"Dalam saat genting ini, input kumpulan ini sangat penting demi ketelusan di samping perlu perancangan jangka panjang untuk memerangi wabak COVID-19 dan bukannya membatasi input mereka untuk inisiatif jangka pendek," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Michael berkata, pelaksanaan PKP kali kedua bertambah rumit dengan banjir yang melanda beberapa negeri dan memerlukan NGO serta organisasi masyarakat tampil membantu.

KKM disaran tubuh pasukan pemantau bebas

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) disaran menubuhkan pasukan pemantau bebas di setiap negeri bagi menilai dan mengkaji isu dihadapi di kemudahan kesihatan.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Adnan Mat, berkata pasukan pemantau bebas itu boleh menjalankan pemeriksaan dan penilaian risiko sebelum membentangkan hasil dapatan kepada pengurusan tertinggi KKM bagi dicari penyelesaian.

"Antara perkara yang boleh dinilai pasukan ini membabitkan kecukupan kakitangan pada pelbagai peringkat, beban tugas pengendalian kes COVID-19 dan rawatan untuk kes lain.

"Turut perlu diambil kira ialah keadaan hospital, kelengkapan peralatan termasuk pakaian perlindungan diri (PPE), kenderaan yang baik dan mencukupi serta pertukaran syif untuk memas-



Petugas bukan robot, sedikit sebanyak kesihatan badan dan emosi turut terkesan.

Adnan Mat,
Presiden CUEPACS

tikan kakitangan tidak bekerja berturut-turut dalam tempoh seminggu.

"Petugas bukan robot, sedikit sebanyak kesihatan badan dan emosi turut terkesan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai Pegawai Perubatan KKM, Dr Ali Noor Hassan, yang meninggal dunia Isnin lalu ketika bertugas, sebelum tular di laman sosial.

Bagaimanapun, KKM mengesyorkan Allahyarham meninggal dunia disebabkan pendarahan dalam otak dan bukan kerana kepenatan beban tugas.

Adnan berkata, ketua jabatan perlu berperanan penting dalam situasi getir dihadapi, termasuk menyelesaikan aduan kakitangan dengan sebaik mungkin dan mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan KKM. "Jika ketua jabatan tidak dapat

menyelesaikannya, salurkan isu kepada pihak atasan di KKM, termasuk mengutamakan pengisian jawatan secara segera jika berlaku kekurangan kakitangan," katanya.

Beliau berkata, KKM juga perlu menjaga kebajikan kakitangan kerana keadaan mereka yang sakit atau tidak sihat menyukarkan usaha merawat pesakit dengan sempurna.

Katanya, setiap luahan atau aduan yang berulang kali diluahkan kakitangan perlu diambil tindakan pantas dan positif.

"Ia tidak memadai apabila mereka yang membangkitkan permasalahan hanya diberi nasihat untuk tidak mengulangi tindakan berkenaan.

"Sudah tiba masanya pihak atasan mengambil serius pandangan disuarakan kesatuan atau wakil kakitangan kerana hal kebajikan petugas barisan hadapan tidak boleh dipandang sebelah mata," kaktanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Kes harian sekali lagi melepasi angka 4,000

Jangkitan keseluruhan 169,379 kes, 11 lagi kematian

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Kes positif COVID-19 di negara ini sekali lagi melepasi angka 4,000, apabila sebanyak 4,008 kes dilaporkan dengan 11 kematian setakat tengah hari semalam.

Angka kes positif tertinggi dicatat sebelum ini adalah 4,029 kes pada 16 Januari lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ketika ini jumlah kumulatif kes positif negara mencecah 169,379 dengan bilangan kes aktif 41,087.

Katanya, daripada jumlah itu, sebanyak 4,003 kes membabitkan penularan tempatan dengan 2,802 adalah warganegara, iaitu 70.0 pe-

ratus daripada jumlah keseluruhan kes semalam.

Beliau berkata, baki 1,201 bukan warganegara atau 30.0 peratus dengan lima daripadanya adalah kes import.

"Selangor masih melaporkan kes harian baharu tertinggi, iaitu dengan 1,391 kes (34.7 peratus). Daripada jumlah ini, sebanyak 1,061 kes (76.3 peratus) adalah daripada kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan.

"Ini diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 513 kes (12.8 peratus) dan Johor dengan 470 kes (11.7 peratus)," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Beliau berkata, sebanyak 113 kes atau 2.8 peratus, yang dilaporkan adalah berkaitan kluster di lokap, depoh tahanan imigrasi dan penjara membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (48 kes), Kluster Tembok Nanas (45), Kluster Tembok Mempaga (enam), Kluster Telok Mas (lima), Kluster Tembok Kemus (lima), Kluster Penjara Seberang Perai (tiga) dan Kluster

Damai Pelangi (satu).

Ketika ini, katanya, 246 kes dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 96 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Dr Noor Hisham berkata, 11 kematian yang dilaporkan membabitkan di Selangor, Sabah, Johor dan Sarawak, menjadikan jumlahnya 630 kes kematian setakat ini.

"Empat empat kematian dilaporkan di Selangor iaitu dua di Hospital Sungai Buloh dan masing-masing satu di Hospital Kajang serta Hospital Selayang.

"Tiga kematian dilaporkan di Sabah dan Johor iaitu dua di Hospital Duchess of Kent, Sandakan dan satu di Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu, manakala kematian di Johor dilaporkan di Hospital Kota Tinggi, Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang dan Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru.

"Kematian di Sarawak direkodkan di Hospital Miri. Sembilan kematian membabitkan warganegara dan dua bukan warganegara," katanya.

Pada masa sama, katanya, se-

16 kluster baharu dikesan semalam, menjadikan jumlah kumulatif kluster jangkitan COVID-19 di negara ini sebanyak 685 kluster sejak Januari tahun lalu.

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan



banyak 2,374 kes sudah sembuh menjadikan jumlah sepenuhnya 127,662 kes.

Sementara itu, 16 kluster baharu dikesan semalam, menjadikan jumlah kumulatif kluster jangkitan COVID-19 di negara ini sebanyak 685 kluster sejak Januari tahun lalu.

Dr Noor Hisham berkata, 11 daripada kluster yang dilaporkan semalam membabitkan tempat kerja, iaitu Kluster Bestari Rantau di Selangor; Kluster Jalan KKIP Selatan di Sabah; Kluster Tapak Bina Jalan Abdul Aziz di Selangor; Kluster Tapak Bina Jalan Digital di Johor dan Terengganu.

Selain itu katanya, turut dilaporkan Kluster Tampoi Lima dan Kluster Jalan Seroja di Johor; Kluster Persiaran Tasek di Perak; Kluster Jalan Usaha di Melaka; Kluster Sungai Ibor di Negeri Sembilan; Kluster Tapak Bina Bu-

kit Sebukor di Melaka dan Kluster Jalan Sejahtera di Kuala Lumpur.

Beliau berkata, lima lagi kluster baharu membabitkan komuniti, iaitu Kluster Batu Enam di Perak; Kluster Bukit Gelugor di Pahang; Kluster Jalan Niaga di Johor; Kluster Kampung Balibata di Sabah dan Kluster Sawmill Luit di Pahang.

"Sebanyak 84 kluster merekodkan pertambahan kes baharu termasuk tiga yang mencatatkan pertambahan kes baharu tertinggi Kluster Tapak Bina Muda dengan 237 kes, Kluster Tapak Bina Jalan Zuhrah 175 kes dan Kluster Pasai 139 kes.

"Tiga kluster ditamatkan hari ini (semalam), iaitu Kluster Jalan Domis, Kluster Tinusa, dan Kluster Delima, menjadikannya 367 disyihar tamat setakat ini, manakala 318 kluster lagi masih aktif," katanya.

PKPD di kampung Orang Asli Batu 6 mulai hari ini

Kuala Lumpur: Kampung Orang Asli Batu 6, Jalan Pahang, Batang Padang di Perak menjadi lokaliti terbaharu dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), bermula hari ini.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata ujian saringan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) ke atas penduduk yang bergejala dan kontak rapat sejak 14 Januari sehingga Selasa lalu, mendapati 12 kes positif COVID-19 direkodkan di lokaliti itu.

"KKM turut mengesahkan 87 kontak rapat dikuarantin ketika ini. Atas nasihat dan penilaian risiko oleh KKM, sidang khas hari ini (semalam) bersetuju melaksanakan PKPD di Kampung Orang Asli Batu 6, Jalan Pahang, Batang Padang, Perak bermula 21 Januari sehingga 3 Februari depan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Penduduk di lokaliti yang dikenakan PKPD dilarang keluar dari kediaman, manakala semua aktiviti perniagaan termasuk kedai runcit dan kedai makan di kawasan itu tidak dibenarkan.

Lokaliti berkenaan juga dikawal oleh pihak polis dibantu Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Ja-



Kakitangan klinik swasta di Cyberjaya berpakaian pelindung diri (PPE) menunggu individu yang ingin menjalani ujian calitan, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

batan Sukarelawan Negara (RELA), manakala sumber makanan kepada penduduk akan disalurkan oleh pihak kerajaan.

Ismail Sabri berkata, pelaksanaan PKPD bertujuan mengawal pergerakan penduduk dan memudahkan KKM melaksanakan saringan bersasar di lokaliti yang mempunyai 494 penduduk.

Sementara itu, seramai 752 individu ditahan polis kerana mengingkari prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menerusi ope-

rasi pematuhan di seluruh negara, kelmarin.

Ismail Sabri berkata, daripada jumlah itu, seramai 718 individu dikompaun, manakala 34 lagi diraman.

"Kesalahan yang direkodkan ialah tidak memakai pelitup muka 277, gagal menyediakan peralatan merekod butiran pelanggan 137 dan tiada penjarakan fizikal 128.

"Kesalahan lain ialah cubaan rentas daerah atau negeri tanpa kebenaran 73, premis beroperasi

lebih masa atau tanpa kebenaran 39 dan lain-lain 98," katanya.

Dalam operasi pematuhan diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) kelmarin, beliau berkata, sebanyak 53,961 pemeriksaan dijalankan di seluruh negara dalam memastikan semua pihak mematuhi SOP PKP.

"Sebanyak 2,778 Pasukan Pematuhan membabitkan 11,950 anggota membuat pemantauan di 3,317 pasar raya, 4,627 restoran, 1,780 penjaja, 1,401 kilang, 3,155 bank dan 632 pejabat kerajaan.

"Selain itu, 1,061 terminal pengangkutan darat, terminal pengangkutan air (254) dan terminal pengangkutan udara (70) turut dipantau," katanya.

Mengenai Op Benteng, Ismail Sabri berkata, seramai 57 pendatang asing tanpa izin (PATTI) ditahan dan 10 kenderaan darat dirampas dalam operasi di sempadan negara.

"Dalam operasi itu, turut dikesan 128 bot dan kapal berada di perairan negara melalui lima aktiviti penglihatan.

"Sebanyak 443 sekatan jalan raya dijalankan di seluruh negara semalam (kelmarin) menerusi Op Penawar oleh PDRM, ATM dan RELA, Op Benteng PDRM dan Op Benteng Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM)," katanya.

Satu kluster baharu babit aktiviti bantuan banjir

Putrajaya: Satu daripada 16 kluster yang dilaporkan semalam, dikesan membabitkan aktiviti bantuan mangsa banjir di Johor.

Maklumat perincian kluster yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan (KKM) melalui media sosial malam tadi melaporkan, Kluster Jalan Niaga dikesan membabitkan kes indeks seorang lelaki tempatan berusia 35 tahun yang didapati positif selepas saringan individu bergejala pada 17 Januari lalu.

Kluster yang merujuk kepada kes di Jalan Niaga, Kota Tinggi itu, sudah menjangkiti 18 individu dan membabitkan satu aghn barang bantuan mangsa banjir.

KKM memaklumkan, 91 sudah disaring dalam kluster yang juga dikesan di Kluang, Johor itu.

Ini adalah kluster pertama dipercayai berpunca daripada pergerakan membabitkan bencana banjir.

Johor adalah antara negeri yang dilanda banjir sejak awal bulan ini dan hanya pulih sepenuhnya daripada bencana itu minggu lalu.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Penularan harian melonjak kepada 4,008 babit 16 kluster baharu dan 11 kematian Negara rekod lebih 40,000 kes aktif

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Negara semalam merekodkan sebanyak 41,087 pesakit aktif Covid-19 buat pertama kali selain penularan harian melonjak kepada 4,008 kes.

Dalam pada itu, kluster melibatkan aghian bantuan mangsa banjir serta majlis pengebumian dan kenduri tahil antara 16 kluster baharu dikenal pasti.

Selangor masih melaporkan kes tertinggi sebanyak 1,391 kes dengan diikuti Kuala Lumpur (513 kes) dan Johor (470 kes).

Terdapat 11 kematian dicatatkan di Sabah, Sarawak, Selangor dan Johor melibatkan enam lelaki dan lima wanita berusia antara 42 hingga 90 tahun.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kluster baharu yang dilaporkan ialah Kluster Tapak Bina Jalan Abdul Aziz di Petaling, Selangor dengan 56 kes saringan bersasar di sebuah tapak binaan di Jalan Dato Abdul Aziz, Seksyen 19, Petaling Jaya.

Menurutnya, Kluster Bestari Rantau di Klang pula dengan 16 kes saringan bersasar di sebuah kilang di Taman Bestari, Rantau Panjang, Klang, manakala Kluster Jalan Sejahtera di Titiwangsa, Kuala Lumpur dengan 15 kes saringan bersasar sebuah pasar raya berdekatan Jalan Sejahtera.

"Kluster Tapak Bina Jalan Digi-



ORANG ramai hadir menderma darah di Pusat Darah Negara, Kuala Lumpur semalam berikutan stok darah kumpulan A dan O yang semakin berkurangan. – FARIZ RUSADIO

tal pula di Kulai, Johor dan Hulu Terengganu, Terengganu dengan kes indeks lelaki tempatan berusia 30 tahun mempunyai sejarah rentas negeri ke Terengganu.

"Ia melibatkan pekerja di Tapak Bina Jalan Digital di Taman Perindustrian Kulai, Bukit Batu, Kulai, manakala sebanyak 48 kes dalam kluster ini," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, Kluster Jalan Niaga di Kota Tinggi dan Kluang, Johor yang melibatkan satu sesi aghian barang bantuan mangsa banjir dengan kes indeks bergejala dan 18 kes dikesan.

"Kluster Tampoi Lima di Johor Bahru dengan 26 kes saringan bersasar sebuah syarikat di Jalan Tampoi, Kawasan Perindustrian Jalan Tampoi, manakala Klus-

ter Jalan Seroja di Kulai dengan kes indeks bergejala dan 10 kes melibatkan pekerja kilang yang tinggal di Jalan Pekelling Seroja, Kawasan Perindustrian I-Park, Bandar Indahpura, Kulai.

"Selain itu, Kluster Jalan KKIP Selatan di Kota Kinabalu, Sabah dengan kes indeks bergejala dan 14 kes dikesan," katanya.

Ujarnya, Kluster Kampung

Balibata di Beaufort dan Sandakan melibatkan kes indeks saringan sebelum rentas negeri dan kluster ini melibatkan majlis pengebumian dan kenduri tahil dengan 35 kes positif.

"Kluster Sungai Ibor di Rembau, Negeri Sembilan dengan kes indeks bergejala dan mempunyai sejarah perjalanan rentas negeri dari Johor dengan 12 kes dan kluster ini melibatkan pelajar di sebuah institusi latihan awam.

"Seterusnya, Kluster Batu Enam di Batang Padang, Perak dengan kes indeks bergejala dan 12 kes dikesan.

"Kluster Persiaran Tasek di Batang Padang, Kinta dan Kuala Kangsar dengan kes indeks kes penyakit seperti influenza (ILD) dan 20 kes dikesan," ujarnya.

Menurutnya, kluster Tapak Bina Bukit Sebukor di Melaka Tengah, Melaka dengan 28 kes melibatkan sebuah tapak binaan.

Katanya, Kluster Jalan Usaha pula di Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasir dengan kes indeks bergejala dan 36 kes dikesan.

"Kluster Sawmill Luit di Maran dan Kuantan, Pahang dengan 19 kes iaitu kes indeks bergejala dan mempunyai sejarah perjalanan rentas negeri dari Kuala Lumpur.

"Kluster Bukit Gelugor pula di Kuantan dengan 22 kes iaitu kes indeks bergejala dan mempunyai sejarah rentas negeri ke Kuala Lumpur," katanya.

PKPD di lokaliti Orang Asli Perak

PUTRAJAYA – Kerajaan memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Orang Asli Batu 6, Jalan Pahang, Batang Padang, Perak bermula hari ini sehingga 3 Februari depan.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, setakat Isnin lalu, sebanyak 12 kes positif Covid-19 direkodkan di kampung berkenaan.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) turut mengesahkan terdapat seramai 87 kontak rapat yang sedang dikuarantin ketika ini.

"Pelaksanaan PKPD ini bertujuan untuk mengawal pergerakan penduduk serta memudahkan KKM melaksanakan saringan bersasar di lokaliti ini yang membabitkan seramai 494 penduduk," katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, seramai 752 individu ditahan atas pelbagai kesalahan



ISMAIL SABRI

ingkar prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKPD), kelmarin.

Menurutnya, daripada jumlah itu, 718 individu dikompaun, manakala 34 lagi direman.

"Kesalahan direkodkan ialah tidak memakai pelitup muka (277), gagal menyediakan peralatan merekod butiran pelanggan (137), tiada penjarakan fizikal (128), rentas daerah/negeri tanpa kebenaran (73), premis beroperasi lebih masa atau tanpa kebenaran (39) dan lain-lain (98),"



Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	4,008
• Import: 5 Tempatan: 4,003	
• Pulih	2,374
• Kematian	11
• Masih dirawat	41,087
• Jumlah kes sembuh	127,662
• Jumlah Kematian	630
Jumlah kes keseluruhan	169,379

katanya.

Selain itu, katanya, seramai 57 orang pendatang asing tanpa asing (PATI) ditangkap dalam Operasi Benteng dan sebanyak 10 buah kenderaan darat turut dirampas.

Tiga lagi hospital rawat, kuarantin pesakit Covid-19

ALOR SETAR – Tiga lagi hospital di negeri ini dijadikan pusat rawatan dan kuarantin bagi menampung pertambahan pesakit Covid-19.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Dr. Mohd. Hayati Osman berkata, hospital tersebut adalah Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH) di Sungai Petani, Hospital Kuala Nerang serta Hospital Kulim.

"Sebelum ini kita hanya ada satu hospital yang menempatkan pesakit Covid-19 iaitu Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) di Alor Setar, namun bermula minggu ini kita telah menempatkan pesakit di ketiga-tiga hospital itu juga," katanya selepas menghadiri Mesyuarat Exco di Wisma Darul Aman di sini semalam.

Ujar beliau, maklumat diterimanya menyatakan kapasiti wad pesakit Covid-19 di HSB

kini pada tahap 72 peratus penuh, manakala Unit Rawatan Rawatan Rapi (ICU) 89 peratus.

"Di HSAH kita mampu menempatkan 200 pesakit pada satu masa dan kini terdapat 63 pesakit di situ. Di Kulim pula, kita mampu menempatkan 300 individu, namun pada masa ini cuma ada 33 pesakit.

"Di Hospital Kuala Nerang ketika ini terdapat kurang 30 pesakit dan kapasiti pula adalah 72 individu," katanya.

Dalam perkembangan berbeza, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah (JHEAIK), Mohd. Yusri Md. Daud berkata, tiga aktiviti iaitu solat berjemaah, solat Jumaat serta pengurusan dan solat jenazah dibenarkan dijalankan di masjid dan surau di negeri ini susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKPD) bermula Jumaat ini hingga 4 Februari depan.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

Dr. Ali banyak bersedekah setiap hari walau sedikit selain disenangi ramai

Bukan meninggal sebab Covid-19

Oleh NOR IDAYU BOSRO
dan RIDZAUDDIN ROSLAN

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan (KKM) menafikan Allahyarham Dr. Ali Noor Hassan yang meninggal dunia pada 18 Januari lalu adalah berpunca pandemik Covid-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, adalah dimaklumkan bahawa ujian saringan Dr. Ali Noor adalah negatif.

"Beliau dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur sejak awal Disember tahun lalu, namun bukan disebabkan oleh Covid-19," katanya dalam satu kenyataan di Facebook semalam.

Noor Hisham berkata, KKM memohon agar mana-mana pihak tidak membuat spekulasi mengenai kes tersebut bagi menghormati jenazah serta ahli keluarga Allahyarham.

Beliau menjelaskan, Allahyarham Dr. Ali Noor bertugas di Klinik Kesihatan Batu 14, Hulu Langat sejak Jun tahun lalu berikutan penutupan sementara Klinik Kesihatan Batu 9.

"Allahyarham merupakan se-



DR. ALI NOOR bersama isteri dan anak-anaknya.

orang Pegawai Perubatan KKM yang amat disenangi oleh rakan-rakan sekerja, pesakit dan masyarakat setempat," katanya.

Sementara itu, Noor Hisham turut menzahirkan ucapan takziah buat seluruh ahli keluarga Allahyarham Dr. Ali Noor atas pemergian beliau.

Terdahulu, negara disifatkan kehilangan perwira barisan hadapan dalam menentang Covid-19 selepas Allahyarham yang bertugas di KKM meninggal dunia pada 18 Januari lalu.

Sementara itu, seorang wanita

dipercayai isteri Allahyarham yang menggunakan akaun Facebook, Asilah Alqarny memberitahu, kematian suaminya bukanlah disebabkan jangkitan Covid-19 atau kepenatan ketika melawan pandemik itu.

"Beliau banyak bersedekah, setiap hari walau sedikit. Dia meninggal dunia di HKL kerana *Accute Respiratory Distress* dan bukannya disebabkan Covid-19 atau kepenatan. Tiba-tiba dapat banyak permintaan rakan di Facebook, sebab sudah tular. Beribu orang kongsi dan doakan dia,



GAMBAR Dr. Ali Noor yang sempat dirakam rakan Allahyarham ketika dia tertidur sewaktu bertugas menentang Covid-19.

Alhamdulillah," tulisnya.

Katanya, Allahyarham memang banyak terlibat dengan aktiviti jemaah tabligh dengan memeriksa pesakit secara percuma ketika ijtimak tabligh itu diadakan.

"Dia juga tidak berkira dengan kawan-kawan dan dia antara yang suka ziarah sahabat yang sakit. Ramai yang mesej kata dia antara orang pertama melawat

apabila ada kawan sakit.

"Semasa ibunya masih ada, dia banyak memuliakan dan berbakti. Setiap kali membeli lauk untuk keluarga, dia pasti beli lauk sama untuk arwah ibunya," ujarnya.

Jelasnya, sehingga ibunya disahkan menghidap kanser paru-paru pada Ogos 2018, Allahyarham sanggup mengambil cuti separuh gaji bagi menjaganya.

Lantik lebih ramai pegawai perubatan secara tetap

PETALING JAYA - Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) meminta kerajaan untuk melantik lebih ramai pegawai perubatan secara tetap bagi memastikan tenaga kerja mencukupi dalam menentang penularan Covid-19.

Presidennya, Prof. Datuk Dr. Subramaniam Muniandy berkata, keadaan itu berikutan

kekurangan tenaga kerja dengan banyak doktor terpaksa dipangkil berbanding sebelum ini.

"Baki pegawai perubatan yang tidak diberi jawatan tetap pula perlu ditawarkan kontrak lanjutan sekurang-kurangnya setahun bagi membolehkan mereka berkhidmat dengan lebih baik.

"MMA mengharapkan kera-

jaan dapat memberikan perincian segera mengenai tambahan 3,500 pegawai perubatan di bawah inisiatif PERMAI sama ada ia merujuk kepada jawatan tetap atau kontrak," katanya di sini semalam.

Katanya, MMA juga meminta Kementerian Kesihatan untuk memantau bekalan stok pakai-

an perlindungan diri (PPE) bagi memastikan ia mencukupi untuk kegunaan harian.

"Kita tidak boleh membenarkan pegawai perubatan ke medan perang tanpa perisai untuk melawan virus. Satu kakitangan dijangkiti bersamaan kekurangan satu staf dan pertambahan seorang pesakit.

"Selain itu, mental dan psikologi kakitangan perubatan penting bagi memastikan mereka dapat memberi khidmat terbaik," ujarnya.

MMA turut mencadangkan agar KKM menyediakan lebih banyak saluran untuk kakitangan dan pesakit berkongsi berkenaan kesihatan mental mereka.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : K2



Rencana Utama

Oleh
**FARID AHMAD
TARMIJI**

TIADA siapa yang menduga bahawa pandemik Covid-19 yang mula dikesan pada pertengahan Disember 2019 di bandar raya Wuhan, Hubei, China telah mengorbankan jutaan penduduk dunia.

Kesan daripada pandemik ini, kehidupan dan sosioekonomi secara global telah terjejas.

Kini setelah lebih setahun berlalu, pandemik ini nampaknya masih terus bermaharajalela.

Banyak negara kini melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kali kedua termasuklah Malaysia sendiri.

Namun, kini masyarakat dunia boleh sedikit menarik nafas lega setelah beberapa syarikat telah berjaya menghasilkan vaksin bagi mengekang penularan pandemik tersebut.

Pakar Mikrobiologi Klinikal Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Madya Dr. Nurul Azmawati Mohamed menjelaskan, kebiasaannya masa yang diperlukan untuk menghasilkan sesuatu vaksin adalah sekitar 10 hingga 15 tahun.

Menurutnya, pembuatan vaksin perlu melalui beberapa fasa iaitu fasa praklinikal yang melibatkan kajian ke atas sel dan haiwan selain juga tiga fasa klinikal yang melibatkan kajian ke atas manusia.

"Situasi Covid-19 yang agak tidak terkawal di seluruh dunia menyebabkan berpuluh-puluh syarikat di seluruh dunia berlumba-lumba menghasilkan vaksin Covid-19. Tempoh penghasilan vaksin dipendekkan dengan cara menggunakan kaedah baharu dan menjalankan fasa-fasa klinikal dengan serentak.

"Umum harus mengetahui bahawa suntikan vaksin bertujuan melindungi seseorang daripada sesuatu penyakit. Ia telah terbukti berkesan mengawal pelbagai penyakit berjangkit. Namun, masih ramai yang keliru dan tidak faham tentang vaksin," ujarnya kepada K2.

Jelas Dr. Nurul Azmawati, vaksin adalah sejenis bahan yang diambil secara suntikan, oral atau semburan hidung.

Ia bertujuan untuk menghasilkan imuniti terhadap sesuatu penyakit berjangkit dengan cara merangsang penghasilan antibodi dan sel memori.

Penyakit akan dapat dicegah sekiranya seseorang itu 'kebal' atau imun terhadap penyakit tersebut.

Dari aspek pembuatan vaksin, beliau menjelaskan, bahan asas vaksin ialah antigen yang boleh merangsang penghasilan antibodi. Antigen perlu mempunyai ciri-ciri yang sama atau hampir sama dengan bakteria atau virus yang ingin dilawan.

"Jenis-jenis vaksin bergantung kepada jenis antigen yang digunakan. Vaksin Covid-19 juga mempunyai beberapa jenis antaranya vaksin mati

INFO Vaksin

- Vaksin adalah sejenis bahan yang diambil secara suntikan, oral atau semburan
- Pembuatan vaksin perlu melalui beberapa fasa iaitu fasa praklinikal yang melibatkan kajian ke atas sel dan haiwan serta tiga fasa klinikal yang melibatkan kajian ke atas manusia
- Bahan asas vaksin ialah antigen yang boleh merangsang penghasilan antibodi

(inactivated vaccine) yang menggunakan seluruh bahagian kuman yang telah dimatikan melalui proses kimia, radiasi atau haba.

"Imuniti yang terhasil daripada vaksin jenis ini kurang 'kuat' berbanding vaksin hidup. Vaksin Covid-19 yang dihasilkan oleh negara China iaitu SinoVac dan SinoPharm menggunakan kaedah vaksin mati.

"Jenis vaksin Covid-19 yang lain pula, vaksin viral vektos menggunakan virus yang telah dimodifikasikan yang dikenali sebagai vektor pembawa genetik antigen. Contoh virus yang digunakan ialah adenovirus. Apabila virus menjangkiti sel, sel akan diarahkan untuk menghasilkan protein yang merangsang penghasilan antibodi. Vaksin ini boleh merangsang penghasilan antibodi yang kuat," ujarnya.

Terangnya lagi, bagi Vaksin Viral Like Particles (VLP) pula, ia adalah molekul yang menyerupai virus tetapi tidak menyebabkan jangkitan.

Oleh itu, apabila diperkenalkan ke dalam badan, VLP boleh merangsang penghasilan antibodi yang kuat seperti vaksin hidup, tetapi ia selamat untuk diberikan kepada mereka yang mempunyai sistem imuniti lemah.

Partikel VLP yang sangat halus memudahkan ia masuk ke kelenjar limfa iaitu tempat di mana sistem imuniti diaktifkan. Vaksin Covid-19 jenis ini telah dibangunkan oleh Icosovax.

Dalam pada itu, katanya, jenis lain vaksin untuk Covid-19 adalah vaksin mRNA. Vaksin mRNA adalah kaedah terbaharu penghasilan vaksin. Pfizer dan Moderna adalah dua vaksin pertama menggunakan kaedah ini.

Ia mengandungi mRNA iaitu bahan genetik yang berfungsi untuk mengarahkan penghasilan protein oleh sel manusia.

Protein yang dihasilkan serupa dengan bahagian spike pada virus SARS-CoV-2, penyebab Covid-19.

"Kebaikan vaksin ini ialah ia lebih mudah dan murah untuk dihasilkan.

"Vaksin ini perlukan penyimpanan pada suhu beku negatif 20 darjah Celsius untuk Moderna dan negatif 70 darjah Celsius bagi Pfizer untuk menjamin kestabilan vaksin bagi mengelak daripada rosak," katanya.

Mengulas mengenai kebimbangan masyarakat kini mengenai kesan sampingan vaksin yang hangat diperkatakan, Dr. Nurul Azmawati berkata, orang ramai dinasihatkan untuk tidak takut mendapatkan vaksin.

"Laporan kajian klinikal fasa 3 menunjukkan vaksin Covid-19 mempunyai keberkesanan sekitar 70 hingga 95 peratus. Banyak negara telah mula memberikan vaksin kepada rakyat sejak Disember 2020. Setakat ini, kesan

Jangan takut dapatkan vaksin Covid-19

VAKSIN Covid-19 diyakini dapat memberi perlindungan kepada individu daripada jangkitan Covid-19. - GAMBAR HIASAN



DR. NURUL AZMAWATI

sampingan serius yang dilaporkan adalah sangat sedikit.

"Pastikan anda mendaftar di aplikasi MySejahtera untuk mendapatkan vaksin Covid-19," tuturnya.

Sementara itu, Pakar Mikrobiologi Klinikal Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan USIM, Prof. Dr. Che Ilna Che Isahak pula menegaskan, vaksin dapat mencegah penyakit berjangkit.

"Apabila antigen disuntik, sistem imun badan akan menghasilkan antibodi dan sel-sel memori yang spesifik kepada virus tersebut. Tindak balas ini dikenali sebagai respons primer.

"Respons primer mengambil masa beberapa minggu sebelum antibodi terhasil. Antibodi dihasilkan dalam kuantiti yang agak rendah. Sel-sel memori yang terhasil mengingat apa yang berlaku dan bagaimanakah cara untuk menghapuskan virus.




BEBERAPA negara di dunia kini telah mula memberikan suntikan vaksin Covid-19 kepada warganya sejak Disember tahun lalu. - GAMBAR HIASAN

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 21

RUANGAN : K2



MENTERI Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin (kiri) baru-baru ini memberi jaminan vaksin Covid-19 dibeli Malaysia adalah selamat kerana sudah diuji secara klinikal.



DR. CHE ILINA



"Apabila jangkitan sebenar berlaku, sel-sel memori dengan mudahnya mengenal dan menyerang virus. Tindak balas ini dikenali sebagai respons sekunder. Respons sekunder adalah lebih cepat dan bilangan antibodi yang terhasil adalah lebih banyak," bicaranya.

Tambahnya, vaksin membantu badan kita membina imuniti tanpa dijangkiti Covid-19.

Jelasnya lagi, kebanyakan vaksin Covid-19 telah diuji kepada golongan dewasa. Bagaimanapun, beberapa kajian lain perlu dilakukan untuk memastikan keberkesanan dan keselamatan vaksin untuk bayi, kanak-kanak dan remaja.

"Jika jumlah vaksin terhad, keutamaan pemberian harus diberikan kepada petugas barisan hadapan kesihatan, pesakit kronik seperti kencing manis dan darah tinggi serta warga emas berumur lebih 65 tahun.

"Vaksin bukan sahaja dapat melindungi diri sendiri, tetapi juga dapat melindungi orang lain. Jika bilangan individu yang telah mendapat vaksin untuk sesuatu penyakit dalam sebuah komuniti ramai iaitu melebihi 90 peratus, maka bilangan individu yang menjadi pembawa akan tinggal terlalu sedikit untuk menyebarkan penyakit kepada orang lain. Ini bermakna, individu yang mendapat vaksin juga secara tidak langsung dapat melindungi orang sekeliling yang belum atau tidak boleh mengambil vaksin itu seperti bayi," katanya.

Mengenai kesan sampingan vaksin, Che Ilina menjelaskan, secara umumnya, kesan sampingan vaksin adalah sangat ringan. Kesan ini disebabkan oleh tindak balas sistem imun badan yang bekerja keras untuk menghasilkan antibodi dan sel memori hasil daripada rangsangan vaksin.

Antara gejala yang sering dilaporkan ialah sakit, bengkak dan kemerahan di tempat suntikan, demam ringan, rasa keletihan, sakit kepala dan sakit badan.

"Vaksin hanyalah salah satu cara untuk mencegah Covid-19 tetapi cara-cara lain untuk pencegahan seperti kerap membasuh tangan, memakai pelitup muka dan penjarakan fizikal perlu terus diamalkan untuk melindungi kita dan orang-orang tersayang," pesannya.

KKM akan salurkan informasi tepat

DALAM menangani pandemik Covid-19, vaksin yang selamat menjadi satu keperluan penting dalam memastikan penularan wabak itu dapat dikawal.

Malaysia dijangka akan menerima vaksin Covid-19 Pfizer dan Sinovac pada Februari ini.

Berdasarkan satu tinjauan pendapat yang dikongsikan di Facebook Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah baru-baru ini, kira-kira 67 peratus responden atau kira-kira 142,000 rakyat di negara ini bersetuju menerima vaksin Covid-19.

Daripada jumlah tersebut, 95.7 peratus merasakan vaksin selamat digunakan, yakin vaksin berkesan mencegah jangkitan (89.6 peratus) dan tidak meragui bahan dalam vaksin (67.4 peratus).

Angka itu adalah daripada sejumlah 212,006 rakyat Malaysia yang menyertai *Tinjauan Vaksin: Terima Atau Tolak?* yang telah dijalankan secara dalam talian dari 21 hingga 28 Disember lalu.

Menerusi tinjauan yang sama juga, terdapat segelintir responden yang memberi jawapan 'Tidak Pasti' iaitu sebanyak 17 peratus dan untuk menerima vaksin Covid-19.

Menurut Kementerian Kesihatan (KKM), responden yang memberi jawapan 'Tidak Pasti' menyatakan kerisauan terhadap kesan sampingan vaksin dengan peratusan 83.2.

Sementara itu, terdapat 16 peratus responden yang 'Tidak Bersetuju' untuk menerima vaksin Covid-19.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 96.1 peratus responden risau kesan sampingan, meragui bahan dalam vaksin (84.6 peratus) dan rasa vaksin tidak selamat digunakan (82.8 peratus)," katanya.

Dr. Noor Hisham menerusi hantaran Facebook itu berkata, KKM memahami kerisauan dan

kebimbangan mengenai isu keselamatan, keberkesanan dan kesan sampingan vaksin Covid-19.

"KKM akan mengambil tindakan sewajarnya termasuk menyalurkan informasi yang tepat dan telus," ujarnya yang turut meraih 2,800 tanda suka.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : LOKAL

Oleh Suraya Roslan dan
Nurul Hidayah Bahaudin
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kementrian Kesihatan Malaysia (KKM) mengucapkan takziah kepada keluarga Dr Ali Noor Hassan, 47, yang meninggal dunia, pada Isnin lalu.

Dr Noor Hisham melalui Facebook rasminya semalam berkata, arwah dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) sejak awal Disember lalu disebabkan penyakit lain dan menjalani beberapa sesi rawatan.

"Adalah dimaklumkan bahawa ujian Covid-19 buat Allahyarham Dr Ali Noor adalah negatif.

"Beliau dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur sejak awal Disember 2020 disebabkan penyakit lain dan telah menjalani beberapa sesi rawatan," katanya.

Menurutnya, Allahyarham adalah seorang pegawai perubatan KKM yang amat disenangi rakan-sekerja, pesakit dan masyarakat setempat.

"Bagi menghormati ahli keluarga arwah, KKM memohon supaya mana-mana pihak tidak membuat spekulasi mengenai kes arwah.

"Marilah kita sama-sama memanjatkan doa dan peringatan buat arwah Dr Ali. Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam kalangan orang beriman," katanya.




Arwah juga dikesan menghidap penyakit lain dan tiada kaitan dengan kelesuan bekerja"

Dr Noor Hisham

GAMBAR terakhir Dr Ali yang sempat diambil rakannya sebelum jatuh.

KEMATIAN DR ALI NOOR HASSAN

'Dia disenangi rakan, pesakit'



Kuala Lumpur: "Beliau banyak bersedekah, setiap hari walau sedikit. Damailah di sana wahai suamiku."

Begitu luahan pakar diet, Siti Asilah Yusof, 36, menerusi akaun Facebooknya Asilah Alqarny berhubung pemergian suaminya Dr Ali Noor Hassan, 47, yang meninggal dunia pada 12.30 tengah malam kelmarin.

Menurutnya, kematian suaminya disebabkan *Acute Respiratory Distress* dan bukan akibat kepanatan bertugas melawan pande-

Beribu-ribu orang doakan dia: Asilah

mik Covid-19 seperti ditularkan.

"Tiba-tiba banyak dapat *request friend* (permintaan rakan) sebab sudah viral (tular), ramainya yang mendoakan arwah suami Dr Ali Noor Hassan. Beribu-ribu orang *share* (kongsi) dan doakan dia. Alhamdulillah,"

“**Sehingga ke akhir hayat mak, dia yang ajar kalimah syahadah** Siti Asilah

tulisnya.

Menurutnya, suaminya banyak terbabit dengan aktiviti jemaah tabligh dan memeriksa pesakit secara percuma ketika Ijtimak Tabligh.

"(Arwah suami) tidak berkira kerja dengan kawan dan dia antara

yang suka ziarah sahabat serta saudara sakit.

"Ramai yang mesej Dr Ali antara orang pertama melawat apabila kawan-kawan tak sihat," katanya.

Menurutnya, ketika ibu Allahyarham masih ada, arwah banyak memuliakan dan berbakti kepada ibu.

"Setiap kali beli lauk untuk *family* (keluarga) mesti akan belikan

lauk yang sama untuk arwah emak dia semasa hidup. Mak nak ke klinik atau rawatan memang dia akan usahkan cuti untuk berkhidmat kepada mak dia," katanya.

Katanya, ketika ibu arwah didiagnos kanser paru-paru pada Ogos 2018, suaminya sanggup mengambil cuti separuh gaji untuk menjaga orang tuanya itu.

"Sehingga ke akhir hayat mak dia di IKN (Institut Kanser Negara), dia antara yang ajar mak kalimah syahadah," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : COVID-19

Oleh Raja Noraina
Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

11 kematian dicatat

4,003 kes jangkitan tempatan, lima kes import direkodkan

Kuala Lumpur

Situasi wabak Covid-19 di negara terus mencatatkan angka kes baharu dan jumlah kematian yang tinggi apabila merekodkan 4,008 kes dengan 11 kematian, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia menjadikan jumlah keseluruhan penularan wabak itu sebanyak 169,379 kes dan 41,087 kes aktif serta 630 kematian.

Menurutnya, daripada jumlah kes baharu itu, 4,003 kes adalah penularan tempatan dan lima kes import.

"Selangor masih melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak 1,391 kes (34.7 peratus). Daripada jumlah itu, 1,061 kes (76.3 peratus) adalah daripada kluster dan saringan kontak



SEORANG peniaga di sekitar ibu kota menggunakan telefon bimbit kerana kurang menerima kunjungan pelanggan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan hingga 26 Januari ini.



Kes kematian membabitkan empat kes di Selangor, masing-masing tiga kes di Sabah dan Johor serta satu kes di Sarawak dengan sembilan warganegara dan dua bukan warganegara"

Dr Noor Hisham

rapat Covid-19.

"Ini diikuti Kuala Lumpur (513 kes) dan Johor (470 kes).

"Sebanyak 113 kes dilaporkan pula berkaitan kluster di lokap, depot tahanan imig-

resen dan penjara yang membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (48 kes), Kluster Tembok Nanas (45 kes), Kluster Tembok Mempaga (6 kes), Kluster Tembok Mas (5 kes), Kluster Tembok Kemus (5 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (3 kes) dan Kluster Damai Pelangi (1 kes)," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 2,374 kes pulih dilaporkan, semalam menjadikan jumlah kumulatif kes pulih di negara ini sebanyak 127,662 kes.

Selain itu, katanya, ada 246 pesakit Covid-19 dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 96 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

"Kes kematian membabitkan empat kes di Selangor, masing-masing tiga kes di Sabah dan Johor serta satu kes di Sarawak dengan sembilan warganegara dan dua bukan warganegara," katanya.

Permintaan kelapa merudum



PEMILIK dan pembekal kelapa Joz Coconut di Georgetown, Pulau Pinang, Joel Jeyachandran, 36, (kiri) kecewa apabila permintaan kelapa untuk perayaan Thai Pusam tahun ini merudum ekoran tiadanya permintaan secara besar-besaran disebabkan pandemik Covid-19.

16 kluster baharu Covid-19 dikenal pasti

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenal pasti 16 kluster baharu Covid-19 membabitkan 11 kluster tempat kerja manakala baki adalah kluster komuniti.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia membabitkan Kluster Tapak Bina Jalan Abdul Aziz di Seksyen 19, Petaling Jaya yang mengesan 56 individu positif Covid-19.

Katanya, Kluster Bestari Rantau di Taman Bestari, Rantau Panjang, Klang pula sudah menjangkiti 16 orang.

"Kedua-dua kluster ini dikesan hasil saringan bersasar di tapak binaan," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, Kluster Jalan Sejahtera membabitkan daerah Tiwangsa dikesan hasil saringan bersasar di sebuah pasar raya di mana 15 kes positif Covid-19 dilaporkan setakat ini.

"Empat kluster membabitkan daerah di Johor iaitu Kluster Tapak Bina Jalan Digital di Kulai, Johor dan Hulu Terengganu (48 kes), Kluster Jalan Niaga di Kota Tinggi dan Kluang (18 kes), Kluster Tampoi Lima di Johor Bahru (26 kes), Kluster Jalan Seroja di Kulai (40 kes).

"Dua kluster pula membabitkan daerah di Sabah iaitu Kluster Jalan KKIP Selatan di Kota Kinabalu (14

kes) dan Kluster Kampung Balibata di Beaufort serta Sandakan (35 kes)," katanya.

Selain itu, katanya, Kluster Sungai Ibor dikesan di Rembau, Negeri Sembilan membabitkan pelajar institusi latihan awam dan setakat ini 12 individu disahkan positif Covid-19.

Katanya, Kluster Batu Enam dikesan di Batang Padang, Perak membabitkan Kampung Orang Asli dan seramai 12 individu didapati positif manakala Kluster Persiaran Tasek di Batang Padang dan Kuala Kangsar membabitkan pekerja kilang yang sudah menjangkiti 20 orang.

"Kluster Tapak Bina Bukit Sebukor di Melaka Tengah, Melaka dikesan hasil saringan kontak rapat dan setakat ini sebanyak 28 kes positif manakala Kluster Jalan Usaha membabitkan Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin (36 kes).

"Manakala Kluster Sawmill Luit membabitkan daerah Maran dan Kuantan, Pahang pula dikesan hasil saringan individu bergejala serta mempunyai sejarah perjalanan rentas negeri dari Kuala Lumpur. Sebanyak 19 kes dikesan positif setakat ini," katanya.

Menurutnya, kluster terakhir adalah Kluster Bukit Gelugor di Kuantan, Pahang yang dikesan hasil saringan individu bergejala dan mempunyai sejarah perjalanan rentas negeri ke Kuala Lumpur.

Kuala Lumpur: Seramai 752 individu ditahan atas kesalahan ingkar prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kelmarin.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, daripada jumlah itu, 718 individu dikompam manakala 34 lagi direman.

Kesalahan direkodkan

752 ingkar SOP kena tahan

membabitkan 277 kerana tidak memakai pelitup muka, 137 gagal menyediakan peralatan merekod butiran pelanggan, 128 tiada penjarakan fizikal, 73 rentas daerah atau negeri tanpa kebenaran, 39 kerana premis beroperasi lebih masa atau tanpa kebenaran dan 98 bagi

lain-lain.

"Sebanyak 2,778 pasukan pematihan membabitkan 11,950 anggota membuat pematihan di 3,317 pasar raya, 4,627 restoran, 1,780 penaja, 1,401 kilang, 3,155 bank dan 632 pejabat kerajaan.

Turut dipantau adalah 1,061 terminal pengangkutan

darat, 254 terminal pengangkutan air dan 70 terminal pengangkutan udara," katanya pada kenyataan semalam.

Ismail berkata, pada masa sama, 57 pendatang tanpa izin (PATI) ditahan pada Operasi Benteng selain 10 kenderaan darat dirampas.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Kematian Dr Ali bukan sebab penat

Dr Noor Hisham maklumkan doktor barisan hadapan berkenaan menghidap penyakit lain

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA



Foto didakwa gambar terakhir Dr Ali yang dirakam rakan setugas sebelum beliau jatuh sakit.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyangkal dakwaan Dr Ali Noor Hassan meninggal dunia akibat terlampau penat dengan beban tugas.

Sebaliknya kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah kepada Sinar Harian, doktor berkenaan mempunyai penyakit lain.

"Beliau telah dikesan mempunyai penyakit lain dan tidak ada kaitan dengan kelesuan bekerja," katanya menerusi aplikasi WhatsApp pada Rabu.

Sementara itu, menerusi perkongsian di laman Facebook beliau, Dr Noor Hisham berkata, Dr Ali dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur sejak awal Disember disebabkan penyakit lain dan telah menjalani beberapa sesi rawatan.

"Allahyarham Dr Ali telah pulang ke pangkuan Ilahi lewat malam kelmarin (Isnin). Takziah buat ahli keluarganya," katanya.

Menyifatkan Dr Ali sebagai

pegawai perubatan yang amat disenangi oleh rakan sekerja, pesakit dan masyarakat setempat, beliau menyeru semua pihak tidak membuat spekulasi mengenai kes kematian itu bagi menghormati jenazah dan ahli keluarga.

"Marilah kita sama-sama memanjatkan doa dan peringatan buat arwah Dr Ali Noor."

"Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam kalangan orang yang beriman," katanya.

Terdahulu, kematian Dr Ali menjadi tumpuan warganet selepas Skuad Pengurusan Jenazah Malaysia (SPJM) melaporkan kematian doktor itu yang juga ahli SPJM disebabkan beban kerja terlalu penat dan letih selain kekurangan masa untuk beristirahat setelah bertugas di barisan hadapan KKM menangani Covid-19.

Dalam perkongsian itu, SPJM turut memuat naik sekeping gambar terakhir Dr Ali yang tertidur semasa bertugas dengan memakai pakaian perlindungan diri (PPE).

'Damailah suamiku'

SHAH ALAM - Seorang wanita dipercayai isteri kepada Dr Ali Noor Hassan menegaskan kematian suaminya adalah disebabkan penyakit 'sukar bernafas akut' dan bukan akibat Covid-19 atau penat bertugas sebagai barisan hadapan.

"Tiba-tiba banyak dapat *request friend* (minta jadi rakan) sebab sudah viral. Ramainya yang mendoakan arwah suami, Dr Ali Noor Hassan. Beribu-ribu orang *share* (kongsi) dan doakan dia. Alhamdulillah," tulisnya di Facebook menggunakan nama Asilah Alqarny.

Wanita itu turut berkongsi bahawa Allahyarham suaminya itu suka menziarah orang sakit, bersedekah setiap hari dan memeriksa pesakit secara percuma semasa ijtimaq tabligh.

Menurut Asilah lagi, Allahyarham sangat memuliakan ibunya dan sanggup mengambil cuti sebulan gaji ketika ibunya itu dikesan menghidap kanser paru-paru pada Ogos 2018.

"Sehingga ke akhir hayat mak dia di IKN (Institut Kanser Negara), dia antara yang ajar mak kalimah syahadah. Damailah di sana wahai suamiku," katanya.

Hamzah stabil, Tajuddin sah positif Covid-19

SHAH ALAM - Tahap kesihatan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin semalam menimbulkan tanda tanya selepas satu poster mendakwa beliau dimasukkan ke unit rawatan rapi (ICU) tular di media sosial.

Bagaimanapun, Pejabat Menteri Dalam Negeri dalam satu kenyataan berkata, Hamzah sedang menjalani rawatan dan kesihatan beliau berada dalam keadaan yang stabil.

"Pejabat Menteri Dalam Negeri mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah menzahirkan keprihatinan terhadap tahap kesihatan beliau.

"Untuk makluman, beliau kini sedang menjalani rawatan serta kuarantin di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) dan tahap kesihatan beliau berada dalam keadaan yang stabil.

"Sehubungan itu, Pejabat Menteri Dalam Negeri memohon semua pihak untuk terus mendoakan kesembuhan kepada YB Datuk Seri Hamzah Zainudin.

"Sebarang perkembangan berkaitan tahap kesihatan beliau yang sah dan rasmi hanya akan dikeluarkan oleh Pejabat Menteri Dalam Negeri," menurut kenyataan itu pada Rabu.

Hamzah disahkan positif Covid-19



HAMZAH



TAJUDDIN

pada 12 Januari lalu dan menjalani tempoh kuarantin mengikut saranan serta pemantauan oleh pihak Kementerian Kesihatan.

Sementara itu, menerusi satu kenyataan di Facebook, Ahli Parlimen Pasir Salak, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman disahkan positif Covid-19 pada Rabu.

Pengerusi Prasarana Malaysia Bhd itu disahkan positif selepas menjalankan ujian saringan pada Selasa.

Justeru, pihaknya meminta mereka yang mempunyai kontak rapat melakukan saringan dengan kadar segera.

"Datuk Seri Tajuddin memohon maaf di atas sebarang kesulitan dan berterima kasih kepada semua pihak yang mendoakan beliau," kata kenyataan itu.

Kampung Orang Asli Batu 6, Batang Padang dikenakan PKPD

KUALA LUMPUR - Kampung Orang Asli Batu 6, Jalan Pahang di Batang Padang, Perak akan diletakkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) mulai hari ini hingga 3 Februari ini, kata Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata, langkah itu dibuat selepas pihak berkuasa mengesan 12 kes positif Covid-19 di kampung berkenaan selain 87 kontak rapat sedang dikuarantin ketika ini.

"Pelaksanaan PKPD ini bertujuan mengawal pergerakan penduduk serta memudahkan Kementerian Kesihatan melaksanakan saringan bersasar Covid-19 di lokaliti itu yang melibatkan 494 penduduk," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata hingga Selasa, seramai 178,370 pekerja warga asing telah menjalani ujian saringan Covid-19 yang melibatkan 6,677 majikan, dengan 3,520 daripada mereka disahkan positif Covid-19.

Ini susulan arahan kerajaan agar semua pekerja asing khususnya di Selangor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Sabah, Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur dan Labuan menjalani ujian saringan Covid-19 dengan kos ujian saringan ditanggung oleh majikan masing-masing.

Dalam perkembangan lain, Ismail Sabri berkata, seramai 752 individu telah ditahan atas kesalahan ingkar prosedur operasi standard (SOP) PKPD pada Selasa dan daripada jumlah itu 718 individu dikompaun manakala 34 lagi direman.

Kesalahan direkodkan ialah tidak memakai pelitup muka (277), gagal menyediakan peralatan merekod butiran pelanggan (137), tiada penjarakan fizikal (128), rentas daerah/negeri tanpa kebenaran (73), premis beroperasi lebih masa/ tanpa kebenaran (39) dan lain-lain (98).

Menerusi Ops Benteng pula, Ismail Sabri yang juga Menteri Pertahanan berkata, seramai 57 orang pendatang asing tanpa izin telah ditangkap dan 10 buah kenderaan darat dirampas pada Selasa.

Semalam, seramai 558 individu tiba di pintu masuk antarabangsa negara dan daripada jumlah itu, 517 individu dikuarantin di 28 stesen kuarantin di seluruh negara.

- Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

4,008 kes Covid-19 dilapor semalam

Menjadikan jumlah keseluruhan 169,379 kes dengan 11 kematian turut direkodkan

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN**

PUTRAJAYA

Kes harian positif Covid-19 kembali melepasi 4,000 kes dengan bilangan 4,008 kes dilaporkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada Rabu.

Ketua Pengarah Kesihatan,

Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pertambahan itu menjadikan jumlah kumulatif 169,379 kes.

"Kes aktif pula adalah sebanyak 41,087 kes," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Rabu.

Menurutnya, daripada jumlah kes baharu, terdapat lima kes import mendapat jangkitan dari luar negara manakala 4,003 adalah penularan tempatan.

"Ia melibatkan seramai 2,802 warganegara dan 1,201 warga asing," katanya.

Beliau berkata, Selangor kekal negeri tertinggi melaporkan kes harian positif iaitu 1,319 kes diikuti Kuala Lumpur

513 kes dan 470 kes di Johor.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 113 kes yang dilaporkan adalah berkaitan kluster di lokap, depot tahanan imigresen, dan penjara.

"Ia mem-babitkan Kluster Penjara Jalan Harapan 48 kes, Kluster Tembok Nanas (45), Kluster Tembok Mempaga (6), Kluster Telok Mas (5), Kluster Tembok Kemus (5), Kluster Penjara Seberang Perai (3), dan Kluster Da-



DR NOOR HISHAM

mai Pelangi (1)," katanya.

Menurutnya, bilangan kes yang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) terus meningkat dengan 246 kes termasuk 96 pesakit yang memerlukan bantuan pernafasan.

"KKM turut melaporkan 11 kematian berkaitan Covid-19 di seluruh negara. Jumlah keseluruhan kes kematian adalah 630 kes," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 2,374 kes pulih sepenuhnya daripada

Covid-19 dilaporkan.

"Ini menjadikan jumlah kumulatif kes pulih adalah sebanyak 127,662 kes," katanya.

Pada perkembangan sama, beliau berkata, terdapat 16 kluster baharu Covid-19 dilaporkan melibatkan 11 kluster tempat kerja dan lima kluster komuniti.

Kluster berkenaan antaranya adalah Bestari Rantau dan Tapak Bina Jalan Abdul Aziz di Selangor, Jalan KKIP Selatan serta Kampung Balutan yang dikenal pasti di Sabah.


"Sehingga hari ini (Rabu), sebanyak 685 kluster dilaporkan dan 367 telah diisytiharkan tamat manakala jumlah kluster yang aktif adalah 318," katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

* Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 20 Januari 2021




Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN: 169,379	PULIH: 127,662	ICU: 246	KEMATIAN: 630	KES BAHARU: +4,008
-----------------------------	----------------	----------	---------------	--------------------

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 165,371 kes kepada 169,379 kes



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA DEPAN

Segerakkan lantik 3,500 pegawai perubatan

Oleh ZAREEN HUMAIRAH
SEJAHAN
zareen.hs@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menggesa kerajaan segera menambah lantikan pegawai perubatan bagi menjamin tenaga kerja golongan tersebut mencukupi ketika negara dalam situasi kritikal memerangi Covid-19.

Presidennya, Prof. Datuk Dr. Subramaniam Muniandy berkata, situasi ketika ini memberi gambaran seolah-olah hospital kerajaan tidak cukup tenaga kerja.

"Kerajaan perlu menambah segera perjawatan tetap untuk pegawai perubatan bagi memastikan tenaga kerja di hospital mencukupi untuk meneruskan perjuangan menentang Covid-19 selain perkhidmatan kesihatan lain.

Bersambung di muka 3

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

Jumlah pesakit 4,029, 16 kluster baharu direkod

Staf KKM kena terus berjuang

Oleh **PETAH WAZAH ISKANDAR**
utusannews@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: "Buat semua petugas barisan hadapan, kita menghadapi pertempuran yang berat di setiap selekoh. Negara bergantung kepada kita walaupun kita keletihan. Mari memikul tanggungjawab demi orang yang kita sayangi, komuniti dan negara."

Demikian peringat Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah kepada petugas barisan hadapan agar meneruskan semangat dan kerja keras memerangi wabak Covid-19.


Beliau turut merayu orang ramai supaya duduk di rumah kerana tempoh dua minggu ini sangat penting seperti diuar-uarkan menerusi Twiternya.

Menerusi kenyataan semalam, Dr. Noor Hisham berkata, rekod jangkitan harian semalam kali kedua kes positif Malaysia melebihi 4,000 iaitu 4,008 kes selepas pada 16 Januari lalu sebanyak 4,029 kes.

Menurut beliau, dengan angka tersebut, bilangan kumulatif pesakit kini meningkat kepada 169,379 kes manakala jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan 41,087 kes.

Selain itu, Dr. Noor Hisham berkata, sebanyak 16 kluster baharu dikesan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sekali gus menjadikan jumlah kluster tertinggi sepanjang wabak.

Selangor terus menjadi negeri tertinggi kes baharu iaitu 1,391 kes diikuti Kuala Lumpur (513), Johor (470); Sabah



PELUKIS Amir Andahar Abu Samah menyiapkan lukisan mural bertemakan 'Norma Baharu' inisiatif Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) dan Balai Seni Negara untuk menghargai jasa petugas barisan hadapan di Institut Jantung Negara di Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

(406), Sarawak (203), Negeri Sembilan (176), Perak (170), Kedah (142), Melaka (132), Pulau Pinang (124) dan Kelantan (121).

Baki negeri lain yang mencatatkan dua angka ialah Terengganu, 81 kes; Pahang, 52 kes; Putrajaya, 23 kes manaka-

la Perlis, tiga kes dan Labuan, satu kes.

Kata beliau, sebanyak 2,374 kes pesakit sembuh yang menjadikan jumlah keseluruhan pulih sebanyak 127,662 kes.

"Terdapat 246 kes positif yang sedang dirawat di unit rawatan rapi dengan 96 kes

memerlukan bantuan pernafasan dan 11 kematian," kata beliau.

Mengulas mengenai 16 kluster baharu, Dr. Noor Hisham berkata, sebanyak 11 kluster berkaitan tempat kerja manakala bakinya membabitkan komuniti.

Segerakkan lantik 3,500 pegawai perubatan

Dari muka 1

"Selain itu, pegawai perubatan yang belum diberi jawatan tetap sepatutnya ditawarkan kontrak lanjutan sekurang-kurangnya 10 tahun supaya mereka ini dapat menguasai kepakaran dalam bidang itu," katanya dalam kenyataan semalam.

Isnin lalu, kerajaan mengumumkan menambah 3,500

petugas kesihatan dengan nilai peruntukan tambahan RM150 juta menerusi pakej rangsangan Pelindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (Permai).

Bagaimanapun, selepas kenyataan tersebut, kerajaan belum mengeluarkan kenyataan terperinci berhubung perkara itu.

Sehubungan itu, menurut kenyataan itu, MMA menunggu maklumat mengenai

penambahan 3,500 petugas itu kerana ia masih menjadi persoalan bilakah pegawai perubatan dan doktor baharu akan ditambah.

"Selain itu, MMA minta kerajaan memberikan lebih banyak maklumat mengenai penambahan 3,500 pegawai kesihatan di bawah pakej rangsangan Permai sama ada berjawatan tetap atau jawatan kontrak," kata kenyataan itu.


Semalam, tular di media sosial, Dr. Ali Noor Hassan yang bertugas di sebuah klinik kesihatan di Cheras didakwa meninggal dunia kerana kepenatan bertugas melawan Covid-19.

Bagaimanapun, isterinya Asilah Alqarny dan Kementerian Kesihatan tampil menafikan punca kematian Dr. Ali kerana penat bertugas sebaliknya berpunca daripada penyakit *acute respiratory distress*.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI



Mungkin saya terlalai, abaikan SOP

Oleh AIMUNI TUAN LAH
utusannews@mediamula.com.my

GUA MUSANG: Terasang daripada dunia luar, termasuk keluarga sendiri benar-benar menginsafkan dan menjadi pengalaman tidak akan dilupakan sepanjang hidup Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Nenggiri, Ab. Aziz Yusoff yang baru pulih daripada jangkitan Covid-19.

Ab. Aziz, 59, yang didapati positif Covid-19 bersama isteri, Roshana Hashim, 56, serta seorang anak mereka pada 10 Januari lalu dirawat di Hospital Kuala Krai selama lapan hari dan kini menjalani kuarantin sendiri di rumahnya di Taman Kesedar Jaya, di sini sejak kelmarin.

Menurut Ab. Aziz, sepanjang lapan hari berada di hospital, beliau cukup terkesan apabila terpaksa mengasingkan diri daripada orang ramai dan tidak dibenarkan menerima lawatan, termasuk oleh ahli keluarga sendiri.

"Saya juga masih tak dapat lupakan pengalaman menaiki

ambulans dengan perasaan bercampur baur, antara takut, bimbang dan sedih dengan diri ketika itu dikelilingi petugas yang memakai sut peralatan perlindungan diri (PPE).

"Tanpa ahli keluarga di sisi, ia menjadi satu tekanan, namun saya bersyukur apabila difempatkan di wad bersama lebih 20 lagi pesakit yang saling memberi semangat satu sama lain," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, di sini semalam.

Katanya tanda-tanda awal jangkitan virus Covid-19, dia berasa begitu lemah dan demam.

Beliau juga masih tidak pasti bagaimana mendapat jangkitan pandemik itu kerana bertemu terlalu ramai orang di pelbagai lokasi termasuk di ibu negara sebelum disahkan positif.

"Dalam kesibukan menjalankan tugas sebagai wakil rakyat, mungkin saya terlalai lalu mengabaikan SOP (prosedur operasi standard) tanpa sengaja," katanya yang mengakui masih trauma dan kini amat menitikberatkan

langkah pencegahan seperti kerap mencuci tangan.


Tambah beliau, melihat perjuangan pesakit Covid-19 serta pengorbanan jururawat dan doktor yang berkorban masa dan keringat bagi merawat pesakit juga amat menyentuh hatinya.

"Saya harap orang ramai ambil iktibar atas kejadian menimpa saya dan sentiasa mematuhi SOP seperti elakkan berada di tempat sempit dan sesak, sentiasa jaga jarak, elak bersentuhan dengan individu lain serta menjaga kebersihan diri," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : DALAM NEGERI



144 pelajar MRSM Lipis dikuarantin

LIPIS: Kesemua 144 pelajar tingkatan lima Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Lipis yang bakal mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bulan depan dikuarantin selepas seorang daripada mereka didapati positif Covid-19 kelmarin.

Pengarah Majlis Keselamatan Negara (MKN) negeri, Mohd. Zairasyahli Shah Zakaria berkata, seramai 142 pelajar perempuan ditempatkan di Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT) Bukit Tinggi, Bentong dekat sini manakala dua pelajar lelaki dikuarantin di asrama.

"Pemindahan ke I-KPKT dilakukan untuk keselamatan selepas ada kes positif dan melihat situasi 20 orang yang bergejala meningkat kepada 30 orang dalam tempoh 10 hari.

"Setakat pagi ini (semalam), terdapat tiga lagi pelajar yang dikuarantin di I-KPKT positif Covid-19 dan dihantar ke Hospital," katanya di sini semalam.

Menurutnya, pemindahan



Setakat pagi ini (semalam), terdapat tiga lagi pelajar yang dikuarantin di I-KPKT positif Covid-19 dan dihantar ke Hospital."

MOHD. ZAIRASYAHLI SHAH ZAKARIA

pelajar perempuan ke I-KPKT dilakukan selepas mengadakan perbincangan dengan pelbagai pihak termasuk Majlis Amanah Rakyat (Mara).

Katanya, pemindahan pelajar berkenaan dilakukan dengan bas sambil diiringi pihak polis dalam memastikan aspek keselamatan sentiasa diberi keutamaan.

Tindakan terhadap syarikat sedia asrama daif warga asing

PUTRAJAYA: Sempit, kotor dan daif.

Itu keadaan dua premis perniagaan di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur yang didapati gagal menyediakan kemudahan penginapan sempurna kepada pekerja asing yang mereka ambil gajikan.

Kementerian Sumber Manusia dalam satu kenyataan memaklumkan, penemuan itu hasil siri pemeriksaan dijalankan oleh Task Force Program Saringan Kesihatan Covid-19 (TFSKC).

"Pasukan ini mengadakan operasi terhadap dua premis berkenaan kelmarin dan kertas siasatan dibuka atas pelbagai kesalahan.

"Dua premis ini didapati tiada sebarang perakuan penginapan, malahan majikan belum membuat sebarang permohonan untuk mendapatkan perakuan tersebut," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beberapa kesalahan lain di bawah Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 turut dikesan anggota pasukan TFSKC dalam operasi menjejat tersebut.

Ia termasuk ruang sesak dan tiada pengudaraan yang baik sekali gus membolehkan tindakan undang-undang diambil pihak Kementerian ke atas kedua-dua premis berkenaan.

Majikan dan penyedia penginapan berpusat yang didapati melanggar akta itu boleh dikenakan hukuman maksimum RM50,000 atau penjara tidak lebih setahun atau kedua-duanya sekali.

Akta berkenaan dipinda pada 1 Jun lepas dengan skop baharu diperluas kepada semua sektor pekerjaan termasuk asrama pekerja lebih seluas berbanding sebelum itu cuma meliputi bidang perdagangan dan perlombongan.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : DALAM NEGERI

Hospital swasta kaut untung

EKSKLUSIF

Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN
fadhli.sulaiman@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Beberapa hospital swasta didakwa cuba mengaut keuntungan terhadap individu yang ingin melakukan saringan Covid-19 dengan mengenakan caj mencecah hampir RM1,000 untuk satu kepala menggunakan kaedah Reverse Transcriptase-Polymerase Chain Reaction (RT-PCR).

Mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, seorang kakitangan kerajaan, **Shafiza Shafie**, 41, berkata, dia menghantar anaknya berumur 5 tahun untuk pemeriksaan kesihatan Covid-19 menerusi RT-PCR di hospital swasta di Pulau Pinang pada April tahun lalu, dan anaknya disahkan negatif.

Semakan akhbar ini terhadap sebut harga yang diberikan, dia dikenakan caj berjumlah RM836.92 merangkumi saringan dan ujian Covid-19 masing-masing berharga RM270 dan beberapa alat kelengkapan seperti but, apron, topi, alas kasut, gaun plastik pengasingan pakai buang CPE dan peralatan perlindungan peribadi (PPE) RM296.92.

"Mereka beritahu kos saringan dalam RM300 sahaja tetapi apabila masuk dalam bil perubatan ada dimasukkan kos-kos lain dan saya terpaksa membayarnya.

"Apa yang staf hospital beritahu pada saya adalah berbeza seperti yang tertera di dalam bil. Kiranya terdapat caj-caj yang tersembunyi," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Pada 23 Mac tahun lalu, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kerajaan tidak bercadang mengawal harga saringan kesihatan Covid-19 di



Sesetengah hospital swasta didakwa mengambil kesempatan mengenakan harga hampir sekali ganda lebih tinggi daripada hospital kerajaan untuk ujian saringan Covid-19. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN.

hospital swasta selain menyifatkan harga antara RM500 sehingga RM600 adalah berpatutan bagi satu kepala manakala RM1,000 atau lebih sudah membebankan.

Menurut soalan lazim (FAQ) Kementerian Kesihatan mengenai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), rakyat yang ingin membuat pemeriksaan Covid-19 tetapi tidak mempunyai gejala boleh ke hospital swasta bagi membuat pemeriksaan tersebut namun akan dikenakan caj.

Utusan Malaysia menghubungi beberapa hospital dan klinik swasta secara rawak yang men-

jalankan saringan Covid-19. Rata-ratanya memberitahu harga yang dikenakan adalah kurang daripada RM400 bagi ujian RT-PCR dan kurang RM200 untuk Rapid Test Kit (RTK) Antibodi.

Bagi seorang kakitangan syarikat swasta, **Zainal Abidin Muhammad**, 42, dia berdepan situasi sama selepas menghubungi sebuah hospital swasta terkenal di ibu negara untuk bertanya harga bagi saringan Covid-19 selepas dia disyaki menjadi kontak rapat dengan seorang rakannya yang disahkan positif.

Katanya, namun dia terkejut

apabila diberitahu cajnya antara RM500 sehingga RM850 iaitu kira-kira dua kali ganda daripada harga sebenar yang ditetapkan.

Bagaimanapun, katanya, dia tidak mengambil keputusan untuk menjalankan saringan kesihatan di hospital tersebut rentetan terlalu mahal dan tidak berbaloi dengan perkhidmatan yang diberikan.

Zainal yang pernah disahkan positif influenza A (H1N1) pada 2009 berkata, dia musykil terhadap harga berkenaan malah tidak jelas organisasi mana yang bertanggungjawab dalam mengawal

selia dan memantau harga yang tidak konsisten itu.

"Saya tanya hospital kenapa mahal? Mereka kata doktor yang bertugas tidak ada dan terpaksa menggunakan khidmat doktor luar. Katalah saya dalam keadaan kritikal nak jalankan ujian tapi tiada duit macam mana? Sedangkan hospital itu sahaja yang boleh buat sebab yang lain tutup.

"Selain itu, alasan mereka juga disebabkan jumlah kit ujian Covid-19 adalah terhad jadi mereka terpaksa menaikkan harga pada kadar yang tidak munasabah," ujarnya.

752 ditahan ingkar SOP, 718 dikompaun

PUTRAJAYA: Seramai 752 individu lagi ditahan kelmarin atas pelbagai kesalahan ingkar prosedur operasi standard (SOP) ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Kesemua mereka diberikan Task Force Operasi Pematuhan diketuai polis yang melakukan 53,961 pemeriksaan dengan meliputi pelbagai premis seluruh negara.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, daripada jumlah itu sebanyak 718 dikompaun dan 34 direman dengan kesalahan tertinggi masih kekal tidak memakai pelitup muka iaitu 277 kes.

"Ini diikuti gagal sedia alat rekod butiran (137), tiada penjarakan fizikal (128), rentas kawasan tanpa izin (73), premis dibuka lebih masa (39) dan lain-lain

(98)," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Sejumlah 11,950 anggota memantau 3,317 pasar raya, 4,627 restoran, 1,780 penjaja, 1,401 kilang serta 3,155 bank.

Katanya, turut dipantau ialah sejumlah 632 pejabat kerajaan, 1,061 terminal pengangkutan darat, 254 terminal pengangkutan air dan 70 terminal pengang-

kutan udara.

Seramai 57 pendarang asing tanpa izin (PATI) ditahan melalui Operasi Benteng yang meliputi pelbagai agensi bagi mengekang jenayah rentas sempadan dan menyekat penularan Covid-19.

"Sebanyak 10 kenderaan darat juga dirampas manakala 443 sekatan jalan raya dilaksanakan selain mengesan 128

bot atau kapal ada di perairan negara," jelasnya.

Katanya, sejumlah 101 operasi sanitasi awam dijalankan meliputi 44 zon merah, empat zon jingga, 12 zon kuning, dua zon hijau.

Antara premis yang disanitasi itu ialah pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk flat, tempat awam, pasar raya dan bangunan kerajaan di seluruh negara.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION/NEWS

16 NEW CLUSTERS

4,008 SECOND HIGHEST TALLY

70pc of cases involve Malaysians; Selangor tops list with 1,391 cases

HANA NAZ HARUN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE nation recorded 4,008 new daily Covid-19 cases up to noon yesterday. This is the second highest daily tally, after logging 4,029 cases on Jan 16.

The cumulative cases stands at 169,379. There are 41,087 active cases.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said 70 per cent of yesterday's cases involved Malaysians.

Selangor remains at the top of the list, logging 1,391 cases. Other states recording high numbers include Kuala Lumpur (513), Johor (470) and Sabah (406).

He said 76.3 per cent (1,061) of Selangor's cases were from existing clusters and close-contact screening.

From the daily numbers, 113 cases were linked to clusters in lock-ups, Immigration detention

centres and prisons, he added.

The clusters include the Jalan Harapan Prison cluster (48 cases), the Tembok Nanas cluster (45 cases), the Tembok Mepaga cluster (six cases), the Telok Mas cluster (five cases), the Tembok Kemus cluster (five cases), the Seberang Prai Prison cluster (three cases) and the Damai Pelangi cluster (one case).

Dr Noor Hisham said the Health Ministry recorded 11 deaths up to noon yesterday, taking the death toll to 630.

"The deaths today (yesterday), involving nine Malaysians and two foreigners, were reported in Selangor (four cases), three each in Sabah and Johor, and one in Sarawak."

He said 246 people were being treated in intensive care unit, with 96 requiring ventilators.

There were 2,374 Covid-19 recoveries yesterday.

The ministry detected 16 new clusters yesterday, most of which were workplace clusters. This was the most number of clusters the ministry has reported in a day.

He said four clusters were found in Johor, and two each in Selangor, Sabah, Pahang, Perak and Melaka.

New clusters were also detected in Terengganu, Negri Sembilan and Kuala Lumpur.

Three of the clusters were detected at construction sites: the Bukit Sebukor Construction Site cluster in Melaka Tengah, Melaka (28 cases); the Jalan Digital Construction Site cluster in Kulai, Johor and Hulu Terengganu, Terengganu (48 cases); and the Jalan Abdul Aziz Construction Site cluster in Petaling, Selangor (56 cases).

Other workplace clusters were linked to factories, offices and a supermarket.

These include the Bestari Rantau cluster in Klang, Selangor, with 16 cases; the Jalan Sejahtera cluster in Titiwangsa, Kuala Lumpur (15 cases); Tampoi Lima cluster in Johor Baru, Johor (26 cases); and the Jalan Seroja cluster in Kulai, Johor (10 cases).

They also include the Jalan KKIP Selatan cluster in Kota Kinabalu, Sabah (14 cases); the Persiaran Tasek Cluster in Batang Padang, Kinta and Kuala Kangsar, Perak (20 cases); and the Jalan Usaha cluster in Melaka Tengah, Alor Gajah and Jasin, Melaka (36 cases).

Several clusters reported yesterday had links to interstate travel, he added.

He said the Kampung Balibata cluster, detected in Beaufort and Sandakan, Sabah, involved a funeral and a *kenduri tahil* in Kam-

pung Balibata, Beaufort.

"The index case for this cluster was reported positive on Jan 12, from a screening before interstate travel.

"Up to Jan 20, 35 people linked to this cluster have been screened, and all were found positive."

The index case for the Sungai Ibor cluster in Rembau, Negri Sembilan, tested positive on Jan 20, and had a travel history to Johor.

This cluster, he said, involved students at a public training institute in Kampung Sungai Ibor, Pedas. To date, 138 people had been screened, with 12 testing positive, he said.

The Samill Luit cluster in Maran and Kuantan, Pahang, was detected after its index case tested positive on Jan 14.

The index case had travelled from Kuala Lumpur. To date, 19 out of 48 people screened were found to be positive.

Another cluster with a history of interstate travel is the Bukit Gelugor cluster in Kuantan, Pahang.

Its index case tested positive on Jan 13 after a symptomatic screening, and had a travel history to Kuala Lumpur. A total of 102 people were screened with 22 testing positive.

EMCO at Perak Orang Asli village

KUALA LUMPUR: The authorities are imposing the Enhanced Movement Control Order (EMCO) on Kampung Orang Asli Batu 6, Jalan Pahang, Batang Padang in Perak from today to Feb 3.

